

KUALITI

EDISI OKTOBER - DISEMBER 2023



- Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2023

- Lawatan Penandaarasan dari Indonesia

eISSN 2976-2596



Isi Kandungan

1**Prakata**

Penolong Naib Canselor Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

2**Nota Editor**

Ketua Editor KUALITI

3**Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti
UiTM 2023****6****Pelaporan Dapatan Penilaian *Integrated Quality
Management System (iQMS) :*
*Area 4 (Continual Quality Improvement and Sustainability)*****12****Pembentangan Akhir Anugerah Kualiti Naib Canselor
(AKNC)****14****Majlis Sanjungan Budi Kilauan Bakti****15*****Integrated Quality Management System (iQMS)***
Oktober - Disember 2023**17****Program Latihan Pegawai Kualiti UiTM (LPQ)**

18

Bengkel Pengukuhan Pakar Rujuk Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) UiTM

19

Webinar Open Distance Learning (ODL)

20

Solidariti Palestin

21

Sesi Penjurian Pertandingan Iqra' Corner

22

Webinar Pengiktirafan Program Akademik oleh *Asean University Network-Quality Assurance (AUN-QA)*

23

Program Bacaan Yasin

24

Lawatan Penandaarasan Telkom Universiti

25

Lawatan Rasmi Universitas Gadjah Mada

26

Redaksi

Prakata



Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Saya bersyukur atas keizinan yang Maha Esa, majalah KUALITI Edisi Oktober - Disember 2023 dapat diterbitkan. Ini adalah edisi ke-6 KUALITI yang telah diterbitkan. Kami teruja untuk berkongsi aktiviti-aktiviti pembudayaan kualiti yang giat dijalankan oleh InQKA kepada warga UiTM. Terima kasih Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu, InQKA kerana sentiasa komited dalam meneruskan penerbitan majalah KUALITI. Istimewanya edisi kali ini adalah pada penghujung tahun 2023, InQKA telah menjadi tuan rumah bagi penganjuran Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2023. Tahniah kepada para penerima anugerah yang telah berjaya memenangi pelbagai kategori yang dipertandingkan.

Anugerah seumpama ini bukan sahaja dapat meningkatkan keupayaan universiti tetapi juga sebagai kayu pengukur agar semua jabatan dapat bersaing secara sihat dalam memastikan keberkesanan serta memperlihatkan ciri-ciri inovasi dan fleksibiliti dalam setiap amanah yang dipertanggungjawabkan. Pengurusan yang berkualiti akan memberi dampak positif terhadap organisasi. Perkara ini berkait rapat dengan sejauh mana kejujuran kita semua dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dengan hanya bersandarkan kepada pengawasan Allah. Seperti firman-Nya dalam surah at-Taubah, ayat 105 yang bermaksud :

"Dan katakanlah bekerjalah kamu, maka Allah dan RasulNya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu."

Oleh yang demikian, marilah kita terus berusaha memberikan yang terbaik dalam apa juga yang kita lakukan. Selagi kita berpegang kepada kejujuran dalam melaksanakan tugas, selagi itulah kita dapat meningkatkan kualiti UiTM ke peringkat yang lebih membanggakan.

Prof. Dr. Azizah Abdullah

Penolong Naib Canselor

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)



Nota Editor

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Majalah KUALITI Edisi Oktober - Disember menutup tirai tahun 2023 dengan pelbagai rangkuman menarik untuk tatapan warga UiTM. Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu akan terus memastikan kesinambungan penerbitan sebanyak dua kali setahun dapat diteruskan.

Pelbagai sorotan menarik terutamanya berkenaan dengan Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2023, sekitar pembentangan akhir Anugerah Kualiti Naib Canselor, pelbagai webinar berkaitan, lawatan penandaarasan Universitas Telkom (Tel-U) dan Universitas Gadjah Mada, sambutan majlis sanjungan budi sehinggalah acara solidariti buat Palestin menjadi pengisian terbitan majalah KUALITI pada kali ini.

Momen-momen bermakna didokumentasikan sebagai wadah bagi seluruh warga yang ingin mengikuti aktiviti yang dilaksanakan oleh InQKA.

KUALITI melabuhkan tirainya bagi tahun 2023. Jumpa lagi dalam bingkisan yang akan datang - "Fikirkan hal-hal yang paling hebat, Dan kamu akan menjadi terhebat. Tetapkan akal pada hal tertinggi, Dan kamu akan mencapai yang tertinggi." Selamat tahun baru 2024. Teruskan kecemerlangan kita semua!

Dr. Wan Hartini Wan Zainodin
Ketua Editor KUALITI



Majlis

KEMUNCAK BULAN INOVASI dan KUALITI UiTM 2023

Disediakan oleh : Puan Noor Sazila Md Sarip

Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM diadakan pada setiap tahun dengan tujuan meningkatkan kesedaran warga universiti terhadap kepentingan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan kerja, pembudayaan ciri-ciri inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan, mempelbagaikan dimensi kreativiti dan inovasi dalam prosedur kerja serta meningkatkan kecekapan ke arah peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Pengiktirafan dan Anugerah

Justeru, pihak universiti berbesar hati memberi pengiktirafan dan anugerah kepada PTJ dan staf UiTM yang telah menunjukkan kecemerlangan pembudayaan kualiti secara

holistik melalui pertandingan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC), Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Anugerah Kecemerlangan Operasi (OE). Pada tahun ini, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah dipilih sebagai penganjur. Anugerah lain seperti *Global Prominence Award (GPA)*, Anugerah Pentadbir UiTM (APU) dan Anugerah Khas Pentadbir Persatuan Pentadbir UiTM (PPUiTM) juga disampaikan pada Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM.

Majlis dirasmikan oleh YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin, FASc, Naib Canselor UiTM. Majlis juga dihadiri oleh Pengurusan Eksekutif Universiti.

83 Anugerah

Sebanyak 83 anugerah telah disampaikan kepada pemenang yang merangkumi :

- 1 Anugerah *Global Prominence* (GPA)
- 25 Anugerah Pentadbir UiTM (APU)
- 11 Anugerah Khas Pentadbir Persatuan Pentadbir UiTM (PPUiTM)
- 12 Anugerah Kecemerlangan Operasi (OE)
- 7 Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)
- 27 Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC)

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemenang. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Tahniah!
Kepada Semua Pemenang Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC)

JUARA KESELURUHAN FAKULTI SAINS GUNAAN	KATEGORI BIDANG TUMPUAN
KATEGORI BAHAGIAN / PUSAT / UNIT JUARA : PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK NAIB JUARA : PEJABAT PENDAFTAR KETIGA : PEJABAT BENDAHARI	PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN : UITM CAWANGAN PERAK
KATEGORI FAKULTI / KOLEJ PENGAJIAN JUARA : FAKULTI SAINS GUNAAN NAIB JUARA : FAKULTI FARMASI KETIGA : KOLEJ PENGAJIAN ALAM BINA	PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN PENGKOMERSILAN : FAKULTI SAINS GUNAAN
KATEGORI UITM CAWANGAN JUARA : UITM CAWANGAN SARAWAK NAIB JUARA : UITM CAWANGAN PULAU PINANG KETIGA : UITM CAWANGAN PERAK	JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN : KOLEJ PENGAJIAN ALAM BINA
ANUGERAH PEMBENTANGAN TERBAIK FAKULTI SAINS KESIHATAN	JARINGAN ALUMNI KOMUNITI DAN KESUKARELAWAN : UITM CAWANGAN MELAKA
KATEGORI KRITERIA KEPIMPINAN : FAKULTI FARMASI PERANCANGAN STRATEGIK : FAKULTI FARMASI TUMPUAN KEPADA PELANGGAN : FAKULTI FARMASI PENGUKURAN ANALISA DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN : UITM CAWANGAN SARAWAK TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA : FAKULTI FARMASI TUMPUAN KEPADA OPERASI : UITM CAWANGAN SARAWAK HASIL : UITM CAWANGAN SARAWAK	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN : PEJABAT PENDAFTAR
	PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN STAF : PUSAT ASASI UITM
	PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR : UITM CAWANGAN SARAWAK
	PENGURUSAN KEWANGAN : PEJABAT BENDAHARI
	PENGURUSAN FASILITI DAN TEKNOLOGI : INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (ICEPS)

@inqkauiTM

Tahniah!
Kepada Semua Pemenang Anugerah Kecemerlangan Operasi (OE)

JUARA KESELURUHAN PERKHIDMATAN RUJUKAN OKU, UITM CAWANGAN KEDAH
KATEGORI POSTER TERBAIK PROSES PENYEDIAAN LAPORAN AUDIT DALAM, UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KATEGORI AKADEMIK JOHAN : FBM - STUDENT INDUSTRIAL TRAINING INFORMATION SYSTEM (STIS) 3.0: FACULTY ADVISOR APPOINTMENT LETTER, FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN NAIB JOHAN : SISTEM E-MODERASI PEMARKAHAN AKHIR (PDPI), UITM CAWANGAN PERAK KETIGA : PROSEDUR PENGECUALIAN KREDIT, FAKULTI SAINS SUKAN DAN REKREASI
SAGUHATI 1. PKLUITM, AAGBS (O) 08 - PROSEDUR PENGURUSAN PROJEK PENYELIDIKAN PROGRAM SARJANA (ABP & IFE), ARSHAD AYUB GRADUATE BUSINESS SCHOOL (AAGBS) 2. E-PPKSP (ELEKTRONIK PRE-PENILAIAN DAN PENYEDIAAN KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN), UITM CAWANGAN PAHANG
KATEGORI PENTADBIRAN DAN KEWANGAN JOHAN : PERKHIDMATAN RUJUKAN OKU, UITM CAWANGAN KEDAH NAIB JOHAN : PROSES PENYEDIAAN LAPORAN AUDIT DALAM, UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KETIGA : PBUPAY, UITM CAWANGAN SELANGOR
SAGUHATI 1. SISTEM PARCEL KOLEJ, UITM CAWANGAN PAHANG 2. PENGURUSAN BAHAN ARKIB - ARCHIVE MANAGEMENT SYSTEM (AMS), PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

@inqkauiTM

Tahniah!
Kepada Semua Pemenang Anugerah Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK)

JOHAN KUMPULAN AGRO-MIND, FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI
NAIB JOHAN KUMPULAN PROSERVE, PEJABAT PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR (PPII)
KETIGA KUMPULAN JASA, PEJABAT PENDAFTAR
KATEGORI KIK BERPOTENSI KUMPULAN 3K, UITM CAWANGAN SELANGOR KAMPUS SUNGAI BULOH
KATEGORI ANUGERAH PENJIMATAN KOS SEBENAR TERBAIK KUMPULAN PROSERVE, PEJABAT PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR (PPII)
KATEGORI ANUGERAH PENJANAAN PENDAPATAN SEBENAR TIADA PEMENANG
KATEGORI ANUGERAH DOKUMENTASI TERBAIK KUMPULAN AGRO-MIND, FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI

@inqkauiTM

Tahniah & Syabas!



Pelaporan Dapatan Penilaian *Integrated Quality Management System (iQMS): Area 4 (Continual Quality Improvement and Sustainability)*

Disediakan oleh:

Ts. Dr. Razulaimi Razali dan Dr. Wan Hartini Wan Zainodin

Pengenalan

Penilaian Luar *Integrated Quality Management System (iQMS)* Kitaran 5 telah dijalankan bermula awal tahun 2020 sehingga penghujung 2021. Penilaian ini melibatkan sebanyak 40 Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Teknologi MARA (UiTM) seluruh Malaysia.

28 fakulti dan 12 kampus cawangan telah dinilai berdasarkan Panduan Penilaian Kepatuhan bagi Akreditasi Kendiri Universiti (*Guide on Compliance Evaluation for Self- Accreditation Universities*) 2020 yang juga dikenali sebagai instrumen swaakreditasi.

Pelaksanaan penilaian luar ini bertujuan bagi merealisasikan audit terhadap institusi dalam memastikan penambahbaikan berterusan berlaku melalui budaya kualiti dalam meningkatkan kecemerlangan akademik dan kecemerlangan organisasi. Disamping, dengan hasrat menjadikan UiTM sebagai institusi teladan yang menjadi penanda aras bagi institusi tempatan dan asing.

Sebanyak empat (4) bidang (*area*) yang dinilai seperti berikut:

- Bidang 1: Kepimpinan dan Tadbir Urus Institusi
- Bidang 2: Pembangunan dan Pengurusan Akademik
- Bidang 3: Bakat dan Sumber
- Bidang 4: Penambahbaikan Berterusan dan Kelestarian Kualiti

Pernyataan Masalah

UiTM telah mendapat status Swa pada tahun 2017 yang membolehkan UiTM untuk mengakreditasi programnya sendiri. Berikutan dengan itu, UiTM perlu memastikan sistem jaminan kualiti dalam institusi sentiasa berada ditahap optimum dalam menyokong pelaksanaan akademik diseluruh sistem UiTM.

Oleh itu, bagi memastikan sistem jaminan kualiti dalam institusi sentiasa berada ditahap optimum, penilaian luar iQMS dilaksanakan untuk melihat setiap PTJ akademik di UiTM akur kepada piawai-piawai yang dinyatakan di dalam Panduan Penilaian Kepatuhan bagi Akreditasi Kendiri Universiti.

Piawai yang difokuskan dalam penerbitan ini merujuk kepada Bidang 4 iaitu Penambahbaikan Berterusan dan Kelestarian Kualiti.




Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- Mengenalpasti tahap keakuran PTJ-PTJ Akademik terhadap piawai-piawai yang dinyatakan di dalam Panduan Penilaian Kepatuhan bagi Akreditasi Kendiri Universiti bagi Bidang 4: Penambahbaikan Berterusan dan Kelestarian Kualiti.
- Mengenalpasti nilai min bagi setiap PTJ-PTJ Akademik untuk piawaian bagi Bidang 4.
- Mengenalpasti nilai min untuk piawaian bagi Bidang 4 berdasarkan kepada fakulti, kampus cawangan dan gugusan.

Kerangka Kajian


Kajian ini berdasarkan kepada piawaian bidang empat (4) instrumen swaakreditasi yang dibahagikan kepada empat (4) domain yang tertera di Rajah 1. Seperti yang ditunjukkan di dalam rajah tersebut, domain yang pertama iaitu Mekanisma bagi Pemantauan, Semakan dan Penilaian Program terdiri dari dua (2) sub-domain, di mana sub-domain pertama (1) terdiri dari satu (1) piawai dan sub-domain kedua terdiri dari tiga (3) piawai. Domain kedua iaitu Penglibatan Pihak Berkepentingan terdiri dari satu (1) piawai. Manakala domain ketiga iaitu Peningkatan dan Penambahbaikan Kualiti terdiri dari empat (4) piawai dan domain keempat iaitu Kelestarian Institusi terdiri dari dua (2) piawai.



Rajah 1: Kerangka Domain Bidang 4: Penambahbaikan Berterusan dan Kelestarian Kualiti

Dapatan Kajian

Berdasarkan kepada analisis yang dilakukan, bidang keempat iaitu Penambahbaikan Berterusan dan Kelestarian Kualiti, secara keseluruhannya, min purata bagi kesemua PTJ adalah 3.71.




Rajah 2: Nilai Min Sub Bidang 4.1

Sub bidang 4.1 iaitu Mekanisma bagi Pemantauan, Semakan dan Penilaian Program mendapat min purata sebanyak 3.88 dengan fakulti dan kampus cawangan masing-masing mendapat min purata 3.82 dan 4.02. Bagi gugusan pula, Sains dan Teknologi mendahului dengan min purata 4.00 diikuti Sains Sosial (3.78) dan Perniagaan dan Pengurusan (3.40).

Bagi klausa 4.1.1 iaitu Dasar bagi Pemantauan, Semakan dan Penilaian Program, secara purata kesemua PTJ mendapat skor 3.92 di mana 71.8% melebihi purata manakala 28.2% di bawah purata. Klausa ini mengkehendaki Penyedia Pendidikan Tinggi, HEP agar mempunyai dasar mengenai pemantauan, penyemakan dan penilaian programnya, meliputi keperluan dan/atau analisis penandaarasan, aktiviti pengajaran-pembelajaran, pelajar penilaian, pentadbiran dan perkhidmatan pendidikan dan sokongan yang berkaitan, yang mesti disemak dan dikemas kini secara berkala.

Selain itu, bagi klausa 4.1.2, min purata adalah 4.00. 20.5% daripada PTJ mendapat melebihi purata manakala baki sebanyak 20.5% mendapat nilai bawah purata. 56.4% pula mendapat nilai sama dengan purata. Klausa ini menekankan kepentingan latihan pemantauan, semakan dan penilaian program mesti diketuai oleh yang ditetapkan penyelarasan dan mesti melibatkan semua pihak yang menguruskan program, termasuk kolaboratif rakan kongsi, jika berkenaan.

4.2 Penglibatan Pihak Berkepentingan (*Involvement of stakeholders*)




Rajah 3: Nilai Min Sub Bidang 4.2

Rajah 3 menunjukkan Sub bidang 4.2 iaitu mendapat min purata sebanyak 3.82 dengan fakulti dan kampus cawangan masing-masing mendapat min purata 3.67 dan 4.18. Bagi gugusan pula, Sains dan Teknologi mendahului dengan min purata 3.77 diikuti Perniagaan dan Pengurusan (3.60) serta Sains Sosial (3.56).

Secara keseluruhannya bagi sub bidang menunjukkan pencapaian bagi sub bidang Pengelibatan Pihak berkepentingan masih lagi diperingkat hanya memenuhi keperluan yang utama dan usaha penambahbaikan masih perlu dilakukan ke tahap yang lebih baik iaitu peringkat pujian.

Klausa ini memberi penekanan tentang kepentingan melibatkan pemegang taruh yang relevan termasuk alumni, majikan dan kepakaran luaran dalam memastikan semakan dan penilaian program didokumentasikan, dianalisis dan diambil kira didalam perubahan kurikulum.

4.3 Peningkatan dan Penambahbaikan Kualiti (Quality Improvement and Enhancement)



Rajah 4: Nilai Min Sub Bidang 4.3

Rajah 4 menunjukkan hasil analisa bagi sub bidang 4.3 min purata bagi keseluruhan PTJ ialah 3.64. Jika dipecahkan kepada fakulti min puratanya ialah 3.55 dan kampus cawangan ialah 3.85. Manakala jika dilihat kepada gugusan pula, Gugusan Sains dan Teknologi min puratanya ialah 3.71, Gugusan Sains Sosial ialah 3.50 dan Gugusan Perniagaan dan Pengurusan ialah 3.15. Pencapaian bagi klausa 4.3.1 adalah agak rendah jika dibandingkan dengan klausa-klausa yang lain iaitu dengan skor 3.30 di mana 45% melebihi purata manakala 55% di bawah purata.

Klausa ini adalah berkaitan dengan proses semakan dan kemaskini polisi-polisi berkaitan dengan sistem jaminan kualiti dalaman bagi memastikan peningkatan kualiti yang berterusan. Ianya perlu diberikan perhatian agar pencapaian bagi klausa ini dapat ditingkatkan. Perhatian juga perlu diberi kepada pelaksanaan di peringkat fakulti dan Gugusan Sains Sosial dan Gugusan Perniagaan dan Pengurusan berdasarkan kepada min purata bagi ketiga-tiganya kurang dari min purata keseluruhan bagi sub bidang ini.

Secara umumnya, hasil analisa ini menunjukkan pencapaian bagi sub bidang Peningkatan dan Penambahbaikan Kualiti masih lagi diperingkat hanya memenuhi keperluan yang utama dan usaha penambahbaikan masih perlu dilakukan agar pencapaian ditingkatkan ke peringkat yang lebih baik iaitu peringkat pujian (nilai 4 dan ke atas).

4.4 Kelestarian Institusi (*Institutional Sustainability*)



Rajah 5: Nilai Min Sub Bidang 4.4

Rajah 5 menunjukkan hasil analisa bagi sub bidang 4.4 min purata bagi keseluruhan PTJ ialah 3.46. Jika dipecahkan kepada fakulti min puratanya ialah 3.39 dan kampus cawangan ialah 3.63. Manakala jika dilihat kepada gugusan pula, Gugusan Sains dan Teknologi min puratanya ialah 3.54, Gugusan Sains Sosial ialah 3.22 dan Gugusan Perniagaan dan Pengurusan ialah 3.20. Pencapaian bagi klausa 4.4.1 adalah agak rendah jika dibandingkan dengan klausa-klausa yang lain iaitu dengan skor 3.25 di mana 45% melebihi purata manakala 55% di bawah purata. Klausa ini adalah berkaitan dengan strategik dan proses dalaman. Ianya perlu diberikan perhatian agar pencapaian bagi klausa ini dapat ditingkatkan. Perhatian juga perlu diberi kepada pelaksanaan di peringkat fakulti dan Gugusan Sains Sosial dan Gugusan Perniagaan dan Pengurusan berdasarkan kepada min purata bagi ketiga-tiganya kurang dari min purata keseluruhan bagi sub bidang ini.

Secara umumnya, hasil analisa ini menunjukkan pencapaian bagi sub bidang Kelestarian Institusi masih lagi diperingkat hanya memenuhi keperluan yang utama dan usaha penambahbaikan masih perlu dilakukan agar pencapaian ditingkatkan ke peringkat yang lebih baik iaitu peringkat pujian (nilai 4 dan ke atas).

Kesimpulan

Secara umumnya pencapaian skor menunjukkan secara keseluruhannya PTJ-PTJ Akademik akur kepada keperluan piawai-piawai bagi bidang 4. Secara konsisten juga skor menunjukkan sub bidang 4.4 adalah paling rendah berbanding dengan sub bidang yang lain. Oleh itu, proses penambahbaikan perlu dilaksanakan oleh PTJ-PTJ Akademik dalam meningkat tahap keakuran terhadap sub bidang 4.4 yang berfokus kepada Kelestarian Institusi.



Disediakan oleh : Puan Habibah Hamzah

Pembentangan Akhir Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC)

Majlis Pembentangan Akhir Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2023 anjuran Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah diadakan pada 5 Oktober 2023.

Majlis bertempat di Anjung Seri Budiman itu antara lainnya bertujuan sebagai platform perkongsian amalan terbaik dari Pusat Tanggungjawab (PTJ) terpilih di dalam UiTM. Pada kali ini sebanyak 14 PTJ telah terpilih sebagai finalis dan telah membuat pembentangan.



5 Panel

Seramai lima orang panel yang terlibat dalam penjurian iaitu:

- YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor (Ketua juri)
- YBhg. Prof. Dr. Norazah Abd Rahman, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi
- YBhg. Prof. Datuk Dr. Mizan Hitam, Penolong Naib Canselor Institut Kepimpinan & Pembangunan (ILD)
- YBhg. Prof. Madya Ir. Dr. Juliana Johari, Penolong Naib Canselor Infostruktur, Jabatan Infostruktur (PPII)
- YBhg. Prof. Dr. Shahrizan Zainal Abidin, Penolong Naib Canselor (Pengantarabangsaan), UiTM Global

Setiap PTJ diberi masa selama 15 minit untuk membuat pembentangan yang memfokuskan kepada bidang tumpuan yang dipilih serta aktiviti dan pencapaian yang berkaitan sepanjang tahun 2022.

Ia kemudiannya diikuti dengan 10 minit sesi soal jawab bersama juri. Penilaian adalah dibuat berdasarkan tiga kriteria iaitu proses, hasil dan pembentangan. Ia juga berdasarkan kepada elemen A-D-L-I (*Approach, Deployment, Learning, Integration*) dan Le-T-C-I (*Level, Trend, Comparison/Benchmark, Importance*).



Pembentangan sesi pagi dimulakan dengan Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS) oleh Prof. Datuk Dr. Azizul Halim Yahya.

Ini diikuti oleh Fakulti Pendidikan, Fakulti Farmasi, Kolej Pengajian Kejuruteraan, UiTM Cawangan Kedah, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Pada sesi petang pula, pembentangan telah dibuat oleh Pejabat Pendaftar, UiTM Cawangan Sarawak, Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Perak, Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Sains Gunaan dan Kolej Pengajian Alam Bina.

Dalam ulasan ketua juri di akhir sesi, beliau sangat berpuas hati dengan pembentangan yang dibuat oleh semua finalis.

Beliau juga berharap agar semua PTJ dapat mengambil *best practice* yang dibentangkan oleh semua PTJ. Beliau juga berharap agar Majlis Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) diteruskan pada masa hadapan.





Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah mengadakan majlis makan malam Sanjungan Budi Kilauan Bakti bagi meraikan YBhg. Prof. Datuk. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor yang telah pun bersara pada 12 Oktober yang lalu.

Majlis telah berlangsung di Anjung Seri Budiman dan istimewanya, majlis makan malam ini turut dihadiri oleh staf serta pesara yang pernah bekerja di bawah pentadbiran YBhg. Prof. Datuk. Dr. Hajah Roziah.

Majlis diserikan dengan persembahan deklamasi puisi dan nyanyian oleh warga InQKA. Lebih bermakna, majlis ini telah memberi ruang kepada tetamu bagi menzahirkan ucapan terima kasih dan penghargaan buat beliau.

YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah juga dalam ucapannya telah mengimbau kenangan perjalananan kerjaya beliau sehingga menjawat jawatan tertinggi di UiTM. Usaha dan komitmen beliau tidak pernah putus untuk bersama-sama memajukan universiti tercinta ini dan semoga menjadi inspirasi buat semua.

Pihak InQKA merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah dan semua tetamu yang telah menjayakan majlis tersebut.



Majlis Sanjungan Budi Kilauan Bakti

Disediakan oleh : Puan Noor Azmah Zuber

Integrated Quality Management System (iQMS)

Oktober - Disember 2023

Disediakan oleh : Unit Pentadbiran & ICT

Instrumen penilaian yang digunakan oleh UiTM bagi memastikan sistem jaminan kualiti institusinya terjamin adalah dengan menjalankan *Integrated Quality Management System (iQMS)* berdasarkan standard yang telah ditetapkan oleh *International Organization for Standardization (ISO)* dan *Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)*. iQMS ini dijalankan di seluruh Fakulti/ Kolej Pengajian dan Kampus Cawangan UiTM.

Penilaian iQMS ini dibuat berdasarkan kepada empat (4) bidang iaitu:

- Area 1: *Institutional Leadership and Governance*
- Area 2: *Academic Development and Management*
- Area 3: *Talent and Resources*
- Area 4: *Continual Quality Improvement and Sustainability*

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) dipertanggungjawabkan sebagai pemegang proses iQMS untuk menguruskan penilaian di semua pusat tanggungjawab UiTM. Berikut adalah poster iQMS yang telah dijalankan sepanjang bulan Oktober sehingga Disember 2023.

PENILAIAN LUAR
INTEGRATED QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (iQMS)
KITARAN 6
FAKULTI KOMUNIKASI DAN PENGAJIAN MEDIA
16 - 18 OKTOBER 2023

Puan Jufza A. Wahab
Dr. Aida Azlina Mohd Bee
Dr. Masayu Haji Norman

PENILAIAN LUAR
INTEGRATED QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (iQMS)
KITARAN 6
KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK & MATEMATIK
16 - 18 OKTOBER 2023

Prof. Madya Sri Dr. Thairatya Mohd
Dr. Titi Zam Nis Wan
To. Dr. Siti Nur Binti
Encik Muhammad Syukri H. Abu Taha
Dr. Nur Farhah
Puan Siti Hajar Nour

PENILAIAN LUAR
INTEGRATED QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (iQMS)
KITARAN 6
FAKULTI PENGURUSAN HOTEL & PELANCONGAN
30 OKTOBER - 1 NOVEMBER 2023

Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Bulan Abdullah
Dr. Norazlina Ahmad
Encik Badrul Hisham Hussein

PENILAIAN LUAR
INTEGRATED QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (iQMS)
KITARAN 6
AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
16 - 18 OKTOBER 2023

Prof. Madya Dr. Rohana Mohd
Puan Normahran Yatin
Prof. Madya Dr. Lim Siang Meng



PENILAIAN LUAR
**INTEGRATED QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (IQMS)
KITARAN 6**

ARSHAD AYUB GRADUATE BUSINESS SCHOOL
30 OKTOBER - 1 NOVEMBER 2023



Dr. Rozayyah Ismail
Penasihat Eksekutif



Ts. Noridah Abu Bakar
Penasihat



Puan Suzana Hamzah
Penasihat



PENILAIAN LUAR
**INTEGRATED QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (IQMS)
KITARAN 6**

INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (ICEPS)
30 OKTOBER - 1 NOVEMBER 2023



Dr. Hazrina Mansor
Penasihat Eksekutif



Dr. Nurilbuda Abd Rahman
Penasihat



Ir. Ts. Noorfaizah Hamzah
Penasihat



PENILAIAN LUAR
**INTEGRATED QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (IQMS)
KITARAN 6**

UITM CAWANGAN KEDAH
30 OKTOBER - 1 NOVEMBER 2023



Puan Sri Yusmawati
Mohd Yunus
Penasihat Eksekutif



Dr. Habibun Nisa
Mohamed Ajmal
Penasihat



Ts. Dr. Farrah Noor Ahmad
Penasihat



Puan Nor Azureen Rosakhi
Penasihat



PENILAIAN LUAR
**INTEGRATED QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (IQMS)
KITARAN 6**

FAKULTI FARMASI
6 - 8 NOVEMBER 2023



Dr. Fairuz Abd Hakim
Penasihat Eksekutif



Prof. Madya Sri Dr. Kartina Alauddin
Penasihat



Ts. Dr. Zuhaida Mohd Zaki
Penasihat



PENILAIAN LUAR
**INTEGRATED QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (IQMS)
KITARAN 6**

KOLEJ PENGAJIAN SENI KREATIF
20 - 22 NOVEMBER 2023



Ts. Mohd Nurfaizal Mohd Kari
Penasihat



Dr. Shariq Samad
Penasihat



Ts. Mohd Asyraf Tahir
Penasihat



Ts. Nurfarhanah Shafiq Hana
Penasihat



Prof. Madya Dr. Shafiq Hafiz Hassan
Penasihat



Puan Sri Nabihah Muhamad
Penasihat



Dr. Nadia Farah
Penasihat



Puan Nurul Hana Mohd Yusoff
Penasihat



Ir. Ts. Dr. Saarah Abdullah
Penasihat

Program

Latihan Pegawai Kualiti UiTM (MLPQ)



Disediakan oleh : Unit Pentadbiran dan ICT

Program latihan pegawai kualiti UiTM (LPQ) telah dijalankan selama 5 minggu bermula 17 Oktober 2023 sehingga 6 Disember 2023 yang merangkumi 8 modul.

Peserta-peserta yang turut serta terdiri daripada staf pentadbiran dari Gred 41 hingga Gred 52. Seramai 30 peserta dari pelbagai unit pentadbiran di kampus Shah Alam telah menghadiri program ini.

Program latihan ini merupakan hasil usaha bersama antara Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) serta InQKA dengan matlamat utama untuk mempersiapkan staf pentadbiran agar lebih memahami peranan mereka dalam pengurusan dan pemantauan program akademik di bawah bidang kuasa masing-masing.

Objektif utama program latihan ini adalah untuk melengkapkan staf pentadbiran dengan kebolehan yang diperlukan bagi menjalankan peranan Pegawai Kualiti di setiap PTJ di seluruh sistem UiTM. Pelaksanaan program latihan ini telah berjalan dengan lancar, dan maklum balas daripada peserta sangat positif.

Latihan ini telah memberikan pandangan yang berharga kepada staf pentadbiran, terutamanya mereka yang berkhidmat di universiti yang komited untuk memberikan program akademik berkualiti tinggi.

Berikut adalah tarikh pelaksanaan modul LPQ yang telah dijalankan:

- Modul 1 & 2 : 17-18 Oktober 2023
- Modul 3 : 1-2 November 2023
- Modul 4, 5 & 6 : 7-8 November 2023
- Modul 7 : 28-29 November 2023
- Modul 8 : 5-6 Disember 2023



Bengkel Pengukuhan Pakar Rujuk Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) UiTM Bil. 2/2023

Disediakan oleh : Puan Mariani Ali

Bengkel Pengukuhan Pakar Rujuk Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) UiTM Bil. 2/2023 telah diadakan pada 23 Oktober 2023 di Bilik Seminar Perpustakaan Tun Abdul Razak 1, UiTM Shah Alam.

Objektif bengkel ini adalah untuk mengemaskini penilaian dan hala tuju KIK UiTM, memberi pendedahan kepada para penggiat KIK UiTM dan juga merangka strategi pelaksanaan latihan dan rundingan KIK UiTM bagi tahun 2024.



Peserta program ini terdiri daripada seramai 19 orang Pakar Rujuk KIK daripada seluruh sistem UiTM. Peserta diberi penerangan Penilaian KIK UiTM oleh Encik Husaini Ab. Razab, Ketua Pakar Rujuk KIK UiTM. Manakala, perkongsian amalan terbaik KIK telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Encik Mohd Apani Aini, Perunding Latihan Kanan, Pusat Pengajian Pengurusan dan Kepimpinan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bengkel Pengukuhan Pakar Rujuk Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UiTM
Bil. 2/2023

Tarikh : 23 Oktober 2023 (Isnin)
Masa : 8:00 pagi - 1:00 tengah hari
Tempat : Bilik Seminar
Perpustakaan Tun Abdul Razak 1,
UiTM Shah Alam

@inqkaitm

WEBINAR
OPEN DISTANCE LEARNING (ODL)
 daripada Auditor Malaysian Qualifications Agency (MQA)

RABU
25 OKTOBER 2023

9:00 PAGI - 12:15 TENGAH HARI

ZOOM

Penceramah Jemputan :
Ts. Dr. Irwan Mahazir Ismail
Pensyarah Kanan / Timbalan Pengarah
(Akademik, Kerjaya & Antarabangsa)
 Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia,
 Universiti Sains Malaysia (USM)

WEBINAR

OPEN DISTANCE LEARNING (ODL)

Disediakan oleh : Puan Norakmar Syatila Zakaria

Webinar *Open Distance Learning* (ODL) diadakan secara dalam talian pada 25 Oktober 2023 dan melibatkan 50 orang peserta yang terdiri daripada Unit Jaminan Kualiti Akademik (AQA), Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK), dan Program Akademik dengan Mod ODL.



Webinar ini diadakan adalah untuk :

- a. Memberikan pendedahan berkaitan dokumen berasaskan COPPA:ODL.
- b. Memberikan pendedahan mengenai *Self Instructional Material* (SIM) dan *Learning Management System* (LMS) bagi program ODL.
- c. Memastikan unit yang bertanggungjawab terhadap penyediaan dan saringan dokumen mengetahui keperluan COPPA:ODL.
- d. Memastikan unit yang bertanggungjawab menjalankan penilaian dokumen mengetahui syarat wajib dan khusus jaminan kualiti COPPA:ODL.



Disediakan oleh : Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu

Solidariti Palestin

Kami mengenakan pakaian berona hijau sebagai tanda solidariti untuk rakyat Palestin di Gaza yang menerima serangan berterusan rejim Israel sejak 7 Oktober 2023 lalu.

Ini sebagai tanda solidariti bersama rakyat Palestin dan menunjukkan keperihatinan, perpaduan selain bantahan terhadap kekejaman yang tidak berperikemanusiaan. Teruskan perjuangan kita menentang kebatilan, semoga bumi Palestin bebas dari sebarang bentuk penganiayaan.

SESI PENJURIAN PERTANDINGAN IQRA' CORNER

Disediakan oleh : Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu

Pada 20 November 2023 telah berlangsungnya sesi penjurian bagi pertandingan Iqra' Corner yang dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Shah Alam (PTAR) pada Oktober yang lalu. InQKA menyambut baik penganjuran ini dengan menyahut cabaran menghias, menyusun dan mengemas kini ruang sudut bacaan agar tampak lebih menarik, kreatif, dan selesa.

Seramai 6 orang wakil dari PTAR telah hadir dalam sesi lawatan ini. Penjurian yang berlangsung hampir 40 minit itu turut membincangkan penambahbaikan yang boleh dilakukan selain sesi soal jawab antara penganjur dan Penolong Pandaftar Kanan InQKA, Puan Azmah Zuber.

Di akhir sesi penjurian, Puan Hani Liza Norfin selaku Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PTAR telah menyerahkan cenderamata tanda penghargaan diatas penyertaan.



Webinar
Pengiktirafan Program Akademik
oleh ASEAN University Network -
Quality Assurance (AUN-QA)

Tajuk : *The Essence of AUN-QA*
Assessment Enhancing Educational Quality

23 November 2023 (Khamis)
 10:00 pagi hingga 12:15 tengah hari

Pautan Webex :

Penceramah :
Prof. Madya Ts. Dr. Hamimah Ujir
 Pengarah Bahagian Jaminan Kualiti Akademik,
 Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

@inquitm

Sebagai universiti berstatus swaakreditasi, InQKA melalui Unit AQA bertanggungjawab dalam memastikan semua program akademik yang ditawarkan di UiTM mendapat pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan tersenarai di Portal MQA dan Daftar Kelayakan Malaysia (MQR).

Semua program akademik UiTM pada masa ini diiktiraf oleh MQA dan selaras dengan hala tuju universiti ke arah menjadi Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025, Mesyuarat Senat ke-289 pada 9 Disember 2023 telah bersetuju dengan cadangan InQKA untuk memperluaskan lagi pengiktirafan akreditasi program akademik UiTM kepada pengiktirafan daripada AUN-QA.

Program-program akademik yang telah dikenalpasti oleh pihak InQKA untuk mendapatkan pengiktirafan AUN-QA dan dipersetujui oleh Mesyuarat Senat ke-289 adalah seperti berikut:


- Diploma Pengurusan Halal
- Diploma Muamalat
- Diploma Pengurusan Hotel
- Sarjana Perakaunan Forensik dan Krimonologi Kewangan
- Sarjana Muda Pengurusan Hartanah (Kepujian)
- Sarjana Muda Seni Reka Grafik (Kepujian)
- Sarjana Muda Seni Reka Teknologi Fesyen (Kepujian)
- Sarjana Muda Seni Halus (Kepujian)

Webinar

Pengiktirafan Program Akademik oleh ASEAN University Network - Quality Assurance (AUN-QA)

Disediakan oleh : Puan Noorakmar Syatila Zakaria

Unit Jaminan Kualiti Akademik (AQA) telah menganjurkan Webinar Pengiktirafan Program Akademik oleh AUN-QA secara dalam talian pada 23 November 2023 dengan sasaran peserta adalah terdiri daripada pentadbir-pentadbir akademik Unit AQA, pentadbir-pentadbir akademik Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK) dan tiga (3) orang wakil dari setiap program.





PROGRAM BACAAN **يَسِين**

Disediakan oleh : Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu

Pada 24 November yang lalu, telah diadakan Program Bacaan Yasin yang dilaksanakan oleh staf-staf InQKA bertempat di Iqra' Corner. Program ini adalah sebagai memenuhi keperluan ke arah pengisian sahsiah dan kerohanian melalui pembacaan bagi mendekatkan diri kepada amalan-amalan yang menjurus kepada ibadat yang dituntut oleh agama Islam.

Lawatan Penandaarasan Telkom University

Disediakan oleh : Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu

Satu penandaarasan dalam talian telah dijalankan bersama Universiti Telkom, Indonesia pada 27 November 2023 melalui *zoom meeting*.

Fokus mesyuarat adalah untuk berkongsi pandangan mengenai proses audit dalaman, insurans kualiti berdasarkan piawaian ISO, dan pelbagai fungsi berkaitan yang menyumbang kepada kualiti pendidikan dan operasi keseluruhan bagi kedua-dua institusi.


Universiti Telkom diwakili oleh:

1. Prof. Madya Dr. Anisah Firli (Pengarah Sekretariat dan Perancangan Strategik)
2. Parman Sukarno, Ph.D. (Pengarah Akademik)
3. Dr. Ade Romadhony (Pengurus Unit Jaminan Kualiti)
4. Hardian Kokoh Pambudi (Pengurus Unit Audit Dalam)
5. Muhammad Al Makky (Pengurus Unit Pembangunan Akademik)
6. Choiria Anggraini (Ketua Audit dan Hal Ehwal Maklum Balas)
7. Nike Mandasari (Ketua Pemantauan dan Hal Ehwal Pelaporan)
8. Riska Yanu Fa'rifah (Ketua Tinjauan dan Hal Ehwal Analisis Data)
9. Indria Angga Dianita (Ketua Hal Ehwal Pengurusan Kursus)
10. Fitriyana Dewi (Ketua Hal Ehwal Pembangunan Kurikulum dan Pembelajaran)




Manakala InQKA diwakili oleh:

1. Prof. Madya Ts. Dr.-Ing Shahrul Azam Abdullah (Pengarah Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi)
2. Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Husna Zainol Abidin (Ketua Akreditasi Program, Sains & Teknologi)
3. Dr. Nik Azlin Nik Ariffin (Ketua Kecemerlangan Operasi Dan Inovasi)
4. ChM. Dr. Shahrul Nizam Ahmad (Ketua Komunikasi dan Pengembangan Ilmu)
5. Puan Norina Ahmad Jamil (Koordinator Kecemerlangan Operasi Dan Inovasi)
6. Puan Noor Azmah Zuber (Ketua Pentadbiran, Penolong Pendaftar Kanan)



LAWATAN RASMI UNIVERSITAS GADJAH MADA

Disediakan oleh : Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu



Pada 1 Disember yang lalu, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menerima kunjungan rasmi daripada Universitas Gadjah Mada, Indonesia.



Seramai tiga orang delegasi iaitu Dr. Reni Rosari (Ketua Program Kedoktoran Ekonomi Islamik dan Industri Halal), Dr. Akhmad Akbar Susanto M.Phil (Koordinator Jaminan Kualiti), dan Dr. Nanung Danar Dono, M.Sc. (Ketua Program Sarjana Ekonomi Islam). Manakala seramai tiga orang wakil dari *Arsyad Ayub Graduate School* (AAGBS) iaitu Dr. Arlinah Abd. Rashid, Dr. Azlina Hanif dan Dr. Nur Arfah Mustapha yang turut menyertai lawatan tersebut.

Ucapan aluan dan sesi pengenalan mengenai UiTM telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Azizah Abdullah, Penolong Naib Canselor InQKA. Di akhir sesi lawatan pula, ketiga-tiga wakil masing-masing telah menerima cenderamata dari pihak InQKA sebagai tanda penghargaan atas kunjungan. Diharapkan sesi lawatan antara universiti dari luar negara seperti ini akan memberikan idea baharu dan membina jaringan baik antara kedua belah pihak.



Redaksi



Prof. Dr. Azizah Abdullah
Penasihat



Dr. Wan Hartini Wan Zainodin
Ketua Editor



Norakmar Syatila Zakaria
Editor



Nur Syamimi Eryzahany
Abu Mansor
Editor & Pereka Grafik



Fateen Ilani Kamarudin
Editor & Jurugambar

KUALITI

EDISI OKTOBER - DISEMBER 2023

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Bangunan Akademik 2,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam,
Selangor